

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Institut Seni Reka Kreatif (ICAD) Universiti UCSI (UCSI) akan menjalin kerjasama peringkat global dalam usaha menjadi pusat seni reka antarabangsa terulung menjelang tahun 2025.

Inisiatif itu diketengahkan Pengarah ICAD baharu UCSI, Prof Datuk Dr Ahmad Zainuddin, dalam usaha meningkatkan mobiliti kakitangan dan pelajar serta melaksanakan pembangunan bidang khusus.

Katanya, pembabitan ahli akademik serta pengamal terbaik industri dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran juga bakal dilaksanakan bagi mencapai sasaran itu.

"Saya gembira kerana dapat kembali ke sektor swasta setelah 26 tahun berkhidmat dalam sektor awam.

"UCSI bercita-cita tinggi dan saya berazam untuk mengekalkan taraf dan integriti akademiknya. Saya akan dinilai melalui hasil yang dilihat dan ini memberikan semangat kepada diri untuk menjalankan tanggungjawab yang diberikan ini sebaik-baiknya," katanya.

Prof Ahmad mempunyai

Sasaran baru UCSI

» Azam jadi pusat seni reka antarabangsa ulung

“

UCSI BERCITA-CITA TINGGI DAN SAYA BERAZAM UNTUK MENGEKALKAN TARAF DAN INTEGRITI AKADEMIKNYA.

kelulusan Ijazah Doktor Falsafah Pengurusan Reka Bentuk daripada Universiti Manchester Metropolitan, Sarjana Komunikasi Reka Bentuk University Michigan

dan Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk (Reka Bentuk Grafik) Universiti Teknologi MARA.

Penerokaan baharu

Pelantikan di UCSI itu ialah penerokaan terbaharu dalam perjalanan kerjayanya setelah empat dekad memegang jawatan penting dalam sektor pengajian tinggi awam sebelum ini termasuk sebagai Naib Canselor Universiti Teknologi MARA dan Pengarah Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi.

Beliau kini yang menyandang jawatan sebagai Pengerusi Majlis Rekabentuk Malaysia iaitu sebuah badan di bawah Kementerian Sains, Teknologi



Prof Ahmad berazam **pacu prestasi ICAD UCSI menjadi pusat seni reka antarabangsa.**

dan Inovasi Malaysia.

Prof Ahmad berkata fokus industri yang lebih juga akan diberikan bagi memantapkan mutu akademik ditawarkan ICAD khususnya dalam bidang reka bentuk grafik,

fesyen dan animasi.

"Pelajar ICAD mendapat bimbingan dan peluang berkongsi pandangan dengan pakar industri mengenai peluang kerjaya malah seorang daripada graduan seni

reka kami bekerja di New York.

"Kita berupaya untuk ke peringkat global dan saya berharap untuk membangunkan lagi minat dan keghairahan pelajar dengan cara kreatif dan praktikal," katanya.